

KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK BAGI MENANGANI ANCAMAN AJARAN MENYELEWENG DI MALAYSIA

**Muhammad Rashidi Wahab, Zulkifli Abidin, Mohd Fauzi Hamat,
Ahmad El-Muhammady Muhammad Uthman El-Muhammady,
Lokman Effendi Ramli, Abdullaah Jalil**

ABSTRACT

Religious-oriented extremism is considered one of the major challenges in Malaysia, which manifests itself inter alia in the form of deviant teachings that contradicts the true teachings of Islam from Ahli Sunah Waljamaah. The followers of deviant teachings often make use of religious justification to promote their cause. The literature survey suggests the existence and spread of deviant teachings not only become a threat to the Muslim faith ('aqidah) but poses threat to public order and national security. Obviously, deviant teachings must be treated as a national issue and it definitely warrants serious attention, particularly by the Islamic religious authorities in Malaysia. Thus, based on content analysis, this paper aims to examine and propose the development of a Strategic Action Plan to address the threat of deviant teachings in Malaysia. The article identified three categories of deviant teachings that exist in Malaysia; traditional deviant teachings, locally-developed deviant teachings, and neo- or modern form of deviant teachings. These three teachings are declared as "deviated" by the Islamic religious authorities and it departed from the framework of Ahli Sunah Waljamaah - the official position in Malaysia. Thus, in order to manage this form of threat, a strategic action plan need to be developed which consists of four pillars; prevention, enforcement, rehabilitation and resilient-building. The success of developing and implementing the strategic action plan is important to ensure the integrity of Islam in Malaysia and hence the sustainability of national security and public order.

Keywords: *Development, Strategic Action Plan, Deviant Teachings, Malaysia, Ahli Sunah Waljamaah.*

ABSTRAK

Salah satu jenis fahaman pelampau yang menonjol di Malaysia adalah berorientasikan agama, melibatkan ajaran menyeleweng atau ajaran sesat yang bertentangan dengan agama Islam yang sebenar berteraskan Ahli Sunah Waljamaah. Mereka yang terlibat sama ada secara individu mahupun kumpulan telah menggunakan justifikasi agama bagi mencapai tujuan tertentu dalam perjuangan masing-masing. Sorotan menunjukkan bahawa penularan ajaran menyeleweng tersebut bukan sahaja memberi kesan kepada akidah dan syariat umat Islam, bahkan ia turut memberi kesan kepada ketenteraman awam dan juga keselamatan negara. Keadaan ini menjadikan masalah ajaran menyeleweng sebagai sebuah isu nasional yang perlu diberikan perhatian serius oleh kerajaan khususnya melalui pihak berkuasa agama Islam. Justeru, berdasarkan analisis kandungan dokumen, makalah ini bertujuan untuk meneliti dan mencadangkan pembangunan Pelan Tindakan Strategik bagi menangani ancaman ajaran menyeleweng di Malaysia. Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat tiga bentuk ajaran menyeleweng di Malaysia iaitu; ajaran berbentuk silam, ajaran berbentuk tempatan, dan ajaran berbentuk moden atau baharu. Ketiga-tiga bentuk ajaran menyeleweng ini telah difatwakan bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah yang merupakan mazhab rasmi umat Islam di Malaysia. Bagi menangani ancaman ajaran menyeleweng tersebut, perlu dibangunkan sebuah Pelan Tindakan Strategik yang mempunyai empat teras utama iaitu: pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan pengukuhan. Keberhasilan pembangunan dan pelaksanaan pelan ini diyakini dapat memperkukuhkan kedudukan agama Islam di Malaysia seterusnya menyumbang kepada keamanan negara.

Kata Kunci: *Pembangunan, Pelan Tindakan Strategik, Ajaran Menyeleweng, Malaysia, Ahli Sunah Waljamaah.*

PENDAHULUAN

Terdapat beberapa karya awal ulama Ahli Sunah Waljamaah yang membincangkan tentang aliran atau ajaran menyeleweng dalam pemikiran Islam. Antara karya tersebut ialah *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin* karangan Imam al-Ash'ari (m. 324H), *al-Farqu Bayna al-Firaq* karangan Imam al-Baghdadi (m. 429H), *al-Milal wa al-Nihal* karangan Imam al-Shahrastani (m. 548H), *I'tiqadat Firaq al-Muslimin wa al-Mushrikin* karangan Imam al-Razi (m. 606H) dan lain-lain. Penulisan karya-karya ini menunjukkan bahawa ajaran menyeleweng sentiasa berkembang dalam dunia Islam. Disebabkan itu, para ulama pada setiap zaman mengambil peranan proaktif bagi menjaga akidah umat Islam. Mereka berusaha menentang fahaman menyeleweng tersebut dengan mengadakan penjelasan sama ada melalui tulisan atau lisan seperti kuliah pengajian, termasuklah perdebatan.

Contohnya, Imam al-Ghazali (m. 505H) selain terkenal dengan kritikan keras terhadap ahli falsafah melalui karyanya *Tahafut al-Falasifah*, beliau juga tegas dalam melawan golongan sesat Batiniyyah. Melalui karyanya *Fadaih al-Batiniyyah*, beliau menjelaskan bahawa golongan Batiniyyah berasal daripada Syiah Isma'iliyyah. Asas pemikiran mereka bercampur aduk dengan falsafah Greek dan kepercayaan serta amalan kuno terutamanya dari Parsi, namun mendakwa mereka membawa Islam yang benar. Mereka percaya bahawa setiap perkara zahir mempunyai makna batinnya yang hanya diketahui oleh Imam Mahdi menurut versi mereka serta para imam mereka sahaja. Justeru, golongan Batiniyyah akan menafsirkan dan mentakwilkan nas-nas al-Quran sesuka hati dengan pelbagai maksud yang menyeleweng tetapi disifatkan mereka sebagai makna batin (al-Ghazali, 1964: 37).

Setelah melalui tempoh yang panjang, seiring dengan tersebarnya agama Islam di seluruh dunia, ajaran menyeleweng turut berkembang di pelbagai tempat. Dalam konteks Malaysia sehingga kini, pihak berkuasa agama Islam didapati telah mengesan ratusan ajaran yang bertentangan dengan mazhab rasmi negara iaitu Ahli Sunah Waljamaah. Keadaan ini menjadikan masalah ajaran menyeleweng sebagai sebuah isu nasional yang bukan sahaja melibatkan persoalan akidah dan syariat, malah ia boleh

menggugat kestabilan, keharmonian dan ketenteraman awam. Oleh itu, Majlis Keselamatan Negara (2021: 40) menegaskan bahawa ajaran sesat berpotensi memberi ancaman besar kepada keselamatan negara jika ia tidak ditangani secara berkesan dan menyeluruh. Langkah strategik perlu dikemukakan oleh kerajaan bagi mendepani ancaman ajaran menyeleweng di Malaysia.

DEFINISI DAN BENTUK AJARAN MENYELEWENG DI MALAYSIA

Dalam bahasa Melayu, istilah ajaran menyeleweng turut disinonimkan dengan istilah ajaran sesat atau ajaran salah. Namun dalam pertuturan harian, istilah ajaran sesat lebih masyhur digunakan oleh umat Islam di Malaysia berbanding istilah ajaran menyeleweng atau ajaran salah. Dalam bahasa Arab, ajaran sesat disebut sebagai *al-firaq al-dallah*. Tanpa berhasrat memanjangkan perbincangan mengenai istilah-istilah tersebut, sorotan menunjukkan bahawa pelbagai pihak didapati telah mengemukakan definisi ajaran sesat menurut perspektif masing-masing, yang secara umumnya membawa maksud ajaran atau fahaman yang menyeleweng daripada agama Islam sebenar. Secara khususnya pula, memadai dengan mengambil dan menghuraikan beberapa pengertian ajaran sesat yang dikemukakan oleh pihak autoriti agama di Malaysia sebagai sandaran kepada makalah ini.

Menurut Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri yang sekarang dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ajaran sesat atau menyeleweng ditakrifkan sebagai sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah Islamiah, bertentangan dengan Al-Quran dan sunah, bertentangan dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah. Walau bagaimanapun, dalam buku terbitan JAKIM lain yang lebih terkini, ungkapan yang menjelaskan perihal bertentangan dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah telah dimansuhkan dari pentakrifan ajaran sesat (JAKIM, 2010: 3).

Pemansuhan ini perlu diteliti kembali oleh JAKIM memandangkan ungkapan tersebut sangat penting dalam menentukan sesuatu ajaran itu benar atau sebaliknya. Jika tidak, semua kumpulan boleh mendakwa bahawa mereka adalah ajaran yang paling benar dalam Islam. Oleh itu, para ulama meletakkan Ahli Sunah Waljamaah sebagai salah satu kriteria utama dalam menjelaskan perihal ajaran sesat. Malah sebahagian ulama pada masa kini memperincikan lagi Ahli Sunah Waljamaah kepada aliran tertentu khususnya Asha'irah dan Maturidiyyah. Bukan itu sahaja, ungkapan bertentangan dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah juga selari dengan beberapa hadis tentang perpecahan umat Islam, yang mana hanya Ahli Sunah Waljamaah sahaja golongan yang selamat dan diakui mengikuti jalan benar. Sabda Rasulullah SAW:

ألا إن من قبلكم من أهل الكتاب افترقوا على ثنتين وسبعين ملة، وإن هذه الملة ستفترق على ثلاث وسبعين، ثنتان وسبعون في النار، وواحدة في الجنة، وهي الجماعة

Maksud:

'Sesungguhnya telah berpecah Ahli Kitab sebelum kamu kepada 72 golongan. Umat ini (umat Islam) akan berpecah kepada 73 golongan. 72 golongan dimasukkan ke neraka dan satu golongan sahaja dimasukkan ke syurga iaitu al-Jama'ah.'

(Abi Daud, 1998: 5/182 (4587))

Selain itu, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pula mendefinisikan ajaran sesat sebagai sebarang ajaran yang didukung oleh orang Islam atau bukan Islam dengan dakwaan bahawa ajaran tersebut adalah berlandaskan ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran tersebut bertentangan dengan sumber utama Islam iaitu al-Quran, sunah, ijmak dan qias serta bercanggah dengan pegangan atau pandangan Ahli Sunah Waljamaah dari sudut akidah, syariat dan akhlak (MAIS, 2015: 6). Pengertian ini tidak jauh bezanya dengan takrif ajaran sesat yang dikemukakan JAKIM. Di samping itu, MAIS telah menggunakan dan memperincikan lagi Ahli Sunah Waljamaah kepada tiga komponen utama iaitu; akidah, syariat dan akhlak. Perincian ini berpandukan ciri utama Ahli Sunah Waljamaah yang meliputi iman, Islam dan ihsan sebagaimana hadis Jibrail *alaihissalam* (MAIS, 2015: 3).

Lanjutan itu, MAIS (2015: 9-11) turut mengkategorikan ajaran sesat kepada tiga bentuk iaitu: sesat pada akidah, sesat pada syariat dan sesat pada akhlak. JAKIM (2010: 3-4) pula membahagikan ajaran sesat kepada tiga bentuk iaitu; berbentuk ajaran, berbentuk tarikat dan berbentuk kepercayaan serta amalan tradisi yang berhubung dengan amalan mistik dan kultus. Pembahagian ini menunjukkan bahawa JAKIM cenderung mentafsirkan ajaran sesat lebih kepada aspek bersifat atau berbentuk dalaman. Bentuk ajaran sesat perlu dikemukakan dalam radar yang luas, sesuai dengan maknanya yang merangkumi semua bentuk ajaran yang menyeleweng dalam pemikiran Islam. Oleh itu, berdasarkan penelitian semasa, bentuk ajaran menyeleweng di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu; ajaran berbentuk silam, ajaran berbentuk tempatan, dan ajaran berbentuk moden atau baharu.

Secara lebih terperinci, ajaran berbentuk silam merujuk kepada fahaman atau aliran yang muncul pada awal sejarah pemikiran umat Islam seperti Syiah, Khawarij, Mu'tazilah dan sebagainya. Namun pada masa kini sebahagian mereka masih kekal dengan nama asal dan sebahagian lagi berkembang dengan nama yang lain. Ajaran berbentuk tempatan pula merujuk kepada fahaman atau kumpulan yang muncul dari dalam masyarakat Islam setempat. Dalam konteks Malaysia, ajaran sesat bentuk ini seperti Taslim, Ayah Pin, Al-Arqam, khurafat, sihir dan sebagainya. Ajaran berbentuk moden pula merujuk kepada fahaman atau aliran yang muncul di Barat berasaskan ideologi seperti sekularisme, liberalisme, ateisme dan sebagainya. Pelbagai pemikiran ini masuk ke dalam pemikiran umat Islam secara meluas, termasuklah di Malaysia, terutamanya pada zaman modenisme sehingga sekarang.

Rumusannya, ajaran menyeleweng ialah individu atau kumpulan yang membawa ajaran atau fahaman yang bertentangan dengan agama Islam yang berteraskan Ahli Sunah Waljamaah, tetapi mereka mendakwa ia adalah ajaran Islam yang benar. Malah sebilangan mereka mempunyai zahir luaran yang baik, termasuklah sering memetik Al-Quran dan hadis dalam pertuturan dan penulisan. Penampilan tersebut menyebabkan sebahagian umat Islam terkeliru dengan identiti mereka sebagai pengamal ajaran sesat. Oleh hal demikian, pihak berkuasa agama Islam bertindak memfatwakan dan mewartakan

pelbagai bentuk ajaran menyeleweng yang terdapat di seluruh negara. Fatwa ini penting bagi mengekang penularan ajaran menyeleweng di kalangan masyarakat Islam. Justeru, fatwa perlu didedahkan agar umat Islam sentiasa peka dan berhati-hati dengan setiap bentuk ajaran menyeleweng tersebut.

KEDUDUKAN AHLI SUNAH WAL JAMAAH DI MALAYSIA DAN FATWA-FATWA MENGENAI AJARAN MENYELEWENG

Majoriti umat Islam di Malaysia berpegang dengan Ahli Sunah Waljamaah sama ada dari aspek akidah, syariah dan tasawuf sejak dari awal kedatangan Islam di rantau Nusantara lagi. Dimaksudkan dengan Ahli Sunah Waljamaah di sini ialah, dari aspek akidah adalah merujuk kepada aliran Asha'irah (pengasasnya Imam al-Ash'ari), dari aspek syariah merujuk kepada mazhab Shafi'i (pengasasnya Imam al-Shafi'i) dan dari aspek tasawuf merujuk kepada tokoh Sunni muktabar seperti Imam al-Ghazali. Pada masa yang sama, umat Islam di Malaysia turut mengiktiraf aliran Ahli Sunah Waljamaah yang lain seperti Maturidiyyah dalam perkara akidah, serta mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali dalam perkara syariah. Begitu juga dalam perkara tasawuf yang turut mengiktiraf tokoh Sunni lain seperti Imam al-Junayd (m. 297H) dan Imam al-Qushayri (m. 465H) (Abdul Shukor, 1998: 7-8).

Pada zaman ini, sekalipun Perlembagaan sekadar menyebutkan Islam adalah agama Persekutuan (Perkara 3(1)), namun tafsiran mengenai Ahli Sunah Waljamaah dapat dilihat dalam enakmen dan fatwa negeri serta dasar kerajaan (Muhammad Rashidi dan Mohd Fauzi, 2018: 1-37). Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang bersidang pada 5 Mei 1996, ketika membincangkan tentang Syiah, telah membuat beberapa ketetapan antaranya; umat Islam di Malaysia hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunah Waljamaah sahaja sama ada dari aspek akidah, syariah mahupun akhlak, serta mana-mana ajaran atau fahaman selain daripada Ahli Sunah Waljamaah adalah bercanggah dengan undang-undang Islam, hukum syarak dan penyebarannya adalah dilarang (JAKIM, 2015: 8-9).

Manakala dalam Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan pula, telah memperincikan lagi maksud Ahli Sunah Waljamaah kepada: “*Ahlu’s Sunah Waljamaah maknanya ialah mazhab Abu Al-Hassan Al-Asha’ri dan Abu Mansoor Al-Maturidi dan orang yang mengikut jejak langkah keduanya*” (Kerajaan Negeri Kelantan, 2008: 59). Terkini, beberapa negeri turut mengambil langkah yang sama, antaranya Johor, yang menambah baik Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor dengan memasukkan Islam yang menjadi pegangan atau mazhab rasmi di negeri Johor adalah berasaskan Ahli Sunah Waljamaah aliran Imam al-Ash’ari (Asha’irah) dan Imam al-Maturidi (Maturidiyyah) dari aspek akidah, mazhab al-Shafi’i (Imam al-Shafi’i) dari aspek fikah dan Imam al-Junayd serta Imam al-Ghazali dari aspek tasawuf (Warta Kerajaan Negeri Johor, 2017: 420).

Berdasarkan huraian di atas, dirumuskan bahawa agama Islam dalam konteks Malaysia ialah berteraskan Ahli Sunah Waljamaah. Kedudukan ini selari dengan pegangan majoriti umat Islam di seluruh dunia yang juga merupakan Ahli Sunah Waljamaah (The Royal Islamic Strategic Studies Centre, 2010: 17). Oleh itu, mana-mana aliran atau fahaman yang didapati bertentangan dengan prinsip-prinsip Ahli Sunah Waljamaah yang disepakati adalah termasuk dalam ajaran menyeleweng atau ajaran sesat. Justeru itu, topik ini akan mengemukakan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama Islam terhadap pelbagai kumpulan ajaran menyeleweng, atau individu, di Malaysia. Namun untuk lebih sistematik, fatwa-fatwa berkenaan akan dihuraikan dan dikemukakan berdasarkan tiga bentuk ajaran menyeleweng yang telah dikenal pasti, sebagaimana dijelaskan di atas, iaitu:

1. Ajaran Menyeleweng Berbentuk Silam

Fatwa mengenai ajaran menyeleweng berbentuk silam di Malaysia banyak difokuskan kepada Syiah. Keadaan ini disebabkan memfatwakan satu-satunya aliran silam yang masih aktif sehingga kini dengan nama asalnya Syiah. Sedangkan aliran silam lain tidak lagi wujud dengan nama asal mereka, namun berevolusi dalam dunia Islam dengan nama yang lain. Sebagai contohnya, aliran Khawarij yang bermudahkan mengkafirkan orang lain (takfir) yang tidak sependapat dengan mereka dan aliran Hashawiyyah yang berpegang kepada zahir nas mutashabihat sehingga menjisimkan dan menyerupakan

Allah SWT dengan makhluk, telah membentuk aliran Salafi-Wahabi yang mendakwa mereka ingin kembali kepada mazhab Salaf. Kerangka pemikiran ini kemudiannya menjadi pegangan kumpulan pengganas seperti Islamic State of Iraq and Sham (ISIS) (Muhammad Rashidi et. al., 2021: 339-404).

Disebabkan itu, terdapat fatwa yang dikeluarkan mengenai aliran Salafi-Wahabi seperti di Negeri Sembilan contohnya, menyatakan bahawa Salafi-Wahabi bercanggah dengan Ahli Sunah Waljamaah, termasuklah mempertikaikan isu khilafiyah (<https://muftins.gov.my/>). Fatwa MKI mengenai ISIS pula menyebutkan bahawa kumpulan ISIS adalah berideologi Salafi Jihadi yang berakar umbi daripada pemikiran Khawarij (<http://www.e-fatwa.gov.my/>). Selain itu, fatwa berkaitan Hizbut Tahrir seperti di Selangor contohnya, menjelaskan bahawa Hizbut Tahrir berpegang dengan fahaman Qadariyyah (<https://www.muftiselangor.gov.my/>). Begitu juga kumpulan Islam Liberal, mendakwa bahawa mereka ingin menghidupkan kembali tradisi Mu'tazilah-Qadariyyah pada masa kini. Namun Islam Liberal dilihat lebih tepat dimasukkan dalam perbincangan ajaran menyeleweng berbentuk moden.

2. Ajaran Menyeleweng Berbentuk Tempatan

Rekod menunjukkan bahawa ajaran Taslim di Kampung Seronok, Pulau Pinang, merupakan kumpulan ajaran sesat terawal yang dikesan ialah sekitar tahun 1870-an. Terkini, berdasarkan temu bual dengan JAKIM (25 Februari 2022), terdapat ratusan kumpulan ajaran menyeleweng berbentuk tempatan yang dilaporkan di Malaysia. Antara kumpulan yang telah difatwakan bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah ialah; al-Arqam, Ayah Pin, Hassan Anak Rimau, Azhar Wahab, Tuhan Harun dan sebagainya (Engku Ahmad Zaki, 2015: 150). Selain itu, beberapa kumpulan ajaran menyeleweng tempatan daripada negara lain yang mempunyai pengikut di Malaysia turut difatwakan seperti Ahmadiyah atau Qadiani (India) dan Millah Abraham (Indonesia). Termasuk juga dalam ajaran menyeleweng tempatan, tetapi berbentuk individu seperti sihir dan khurafat, turut difatwakan sebagai sesat.

3. Ajaran Menyeleweng Berbentuk Moden

Fatwa berkaitan ajaran menyeleweng berbentuk moden di Malaysia banyak difokuskan kepada aliran Islam Liberal. Fatwa MKI pada tahun 2006 menyatakan bahawa aliran pemikiran Islam Liberal yang berakar daripada liberalisme di Barat adalah menyeleweng daripada akidah dan syariat Islam. Mereka menjadikan akal sebagai neraca timbangan dalam semua perkara (<http://www.e-fatwa.gov.my/>). Begitu juga fatwa Selangor, turut mengharamkan fahaman liberalisme dan pluralisme agama terutamanya terhadap kumpulan Sisters in Islam (SIS) (<http://www.muftiselangor.gov.my/>). Selain itu, Selangor dan beberapa negeri lain turut memfatwakan kesesatan golongan anti hadis yang terpengaruh dengan idea orientalis (<http://www.muftiselangor.gov.my/>). Mereka mendakwa hanya berpegang dengan al-Quran sahaja, lantas menjadikan mereka dikenali sebagai Quraniyyun.

KESAN PENULARAN AJARAN MENYELEWENG DI MALAYSIA

Dapatan awal yang diperoleh daripada “Kajian Pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan” (NAPPCVE) menunjukkan bahawa salah satu jenis fahaman pelampau yang menonjol di Malaysia adalah berorientasikan agama. Mereka yang terlibat menggunakan justifikasi agama bagi mencapai tujuan tertentu dalam perjuangan masing-masing. Dalam konteks agama Islam, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penglibatan umat Islam dengan fahaman pelampau berorientasikan agama antaranya ialah kefahaman ilmu agama yang lemah sehingga membawa kepada salah tafsir terhadap ajaran Islam yang berteraskan Ahli Sunah Waljamaah. Ajaran menyeleweng atau ajaran sesat termasuk dalam fahaman pelampau berorientasikan agama ini, yang sekiranya tidak ditangani boleh membawa kepada aktiviti keganasan.

Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai kesan ajaran menyeleweng di Malaysia selalunya berlegar tentang penyelewengan dalam akidah dan syariat semata-mata. Keadaan ini menyebabkan kebanyakan orang melihat ajaran menyeleweng sekadar isu agama yang tidak memberi kesan yang besar kepada masyarakat dan negara. Namun sorotan menunjukkan

bahawa, selain kesan dari sudut akidah dan syariat sebagaimana yang telah dimaklumi, ajaran menyeleweng turut memberi kesan dari sudut ketenteraman awam dan juga keselamatan negara. Fatwa MKI pada tahun 2014 berkaitan ancaman aliran bukan Ahli Sunah Waljamaah terhadap perpaduan umat Islam di Malaysia memutuskan bahawa mana-mana aliran dan fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunah Waljamaah akan menyebabkan berlaku perpecahan dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

Fatwa MKI tersebut juga menyebutkan secara jelas bahawa Syiah dan Salafi-Wahabi antara aliran yang perlu diberikan perhatian serius, memandangkan kedua-dua aliran berkenaan aktif menyebarkan fahaman mereka kepada umat Islam di Malaysia dengan pelbagai kaedah terutamanya melalui platform dalam talian (online) (Kertas JFK Bil 4/106/2014). Menurut laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) (2021), peratusan penggunaan internet rakyat Malaysia telah meningkat daripada 87.4 peratus pada tahun 2018 kepada 88.7 peratus pada tahun 2020. SKMM juga melaporkan bahawa terdapat lima tujuan utama penggunaan internet oleh rakyat Malaysia iaitu; komunikasi melalui teks (98.1 peratus), media sosial (93.3 peratus), menonton video (87.3 peratus), komunikasi melalui video atau suara (81.1 peratus) dan mendapatkan maklumat (74.3 peratus).

Dalam erti kata lain, internet telah menjadi kehendak penting bagi rakyat Malaysia, yang antara lain digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai agama Islam. Keadaan terbuka ini meletakkan umat Islam sentiasa terdedah kepada propaganda serta pengaruh pelbagai bentuk ajaran yang menyeleweng daripada Ahli Sunah Waljamaah. Para pemimpin ajaran menyeleweng berperanan memanfaatkan internet untuk menyebarkan pemikiran mereka secara lebih meluas kepada umat Islam. Malah sebahagian mereka berjaya melahirkan para pengikut yang taksab dan keras dalam berpegang dengan setiap ajaran kumpulan mereka. Hasilnya, penularan tersebut mengakibatkan berlaku pertembungan di alam maya serta di alam nyata antara pelbagai bentuk kumpulan ajaran menyeleweng dengan majoriti umat Islam di Malaysia yang berusaha mempertahankan Ahli Sunah Waljamaah.

Selain itu, kesan ajaran menyeleweng dari sudut ketenteraman awam dan keselamatan negara juga dapat dilihat daripada ancaman ekstremisme dan liberalisme (Abdullaah, Muhammad Rashidi dan Ahmad El-Muhammady, 2022: 143-158). Bahkan ancaman kedua-dua aliran dan fahaman ini adalah lebih serius kerana mereka berpotensi mencetuskan aktiviti keganasan, bahkan mengubah identiti dan struktur sesebuah negara. Pemikiran ekstrem telah wujud semenjak zaman awal Islam lagi dengan sikap bermudahan mengkafirkan orang Islam lain (*takfir*) yang dilakukan oleh golongan Khawarij dan Syiah. Kedua-dua aliran ini juga tidak teragak-agak untuk melakukan perbuatan ekstrem terhadap sesiapa sahaja yang dikafirkan oleh mereka. Cumanya dalam konteks kumpulan pengganas hari ini, ia lebih terarah kepada aliran Khawarij dan seterusnya Salafi-Wahabi.

Dalam hal ini, kajian menunjukkan bahawa pemikiran '*takfir*' telah menjadi asas kepada ISIS untuk melakukan pembunuhan kepada musuh-musuh mereka atas nama jihad. Pemikiran sebegini tidak jauh bezanya dengan aliran Salafi-Wahabi yang turut secara mudah menghukum orang lain yang tidak sependapat dengan mereka sebagai bidaah dan seterusnya membawa kepada sesat, syirik, murtad, dan kafir (Muhammad Rashidi Wahab et. al., 2020: 153-170). Asasnya berpunca daripada pemikiran tauhid, khususnya Tauhid Tiga, yang menjadi pegangan mereka. Dalam konteks Malaysia, walaupun banyak siri serangan yang dirancang oleh ISIS berjaya dipatahkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), namun pengeboman di Movidia Bar, Puchong, Selangor pada 28 Jun 2016 menjadi bukti bahawa ISIS telah memberi ancaman keganasan yang nyata kepada keselamatan rakyat Malaysia.

Bahkan sebelum kemunculan ISIS terdapat beberapa lagi kumpulan pengganas lain seperti al-Maunah yang bertindak merompak senjata di Perak pada tahun 2000, sebagai persiapan untuk rancangan menggulingkan kerajaan Malaysia yang dianggap kafir dan taghut kerana tidak mengikut sistem Islam. Dalam menghadapi situasi ini, beberapa anggota keselamatan telah terbunuh di tangan anggota kumpulan al-Maunah tersebut. Jika diteliti, ciri mengkafirkan dan harus memerangi pemerintah dan ulama Islam ini juga menjadi pegangan kumpulan Hizbut Tahrir. Mereka beranggapan bahawa semua negara Islam adalah termasuk sebagai negara kafir kerana menerima

pakai hukum serta sistem kafir terutamanya demokrasi. Bagi Hizbut Tahrir, haram hukumnya umat Islam menyertai atau bekerja, apatah lagi menyokong, kerajaan sekarang yang kafir (<https://www.muftiselangor.gov.my/>).

Perbuatan ekstrem begini turut berlaku dalam kumpulan ajaran menyeleweng berbentuk tempatan yang lain. Sebagai contoh, pada tahun 1974, terdapat laporan yang menyatakan bahawa pernah berlaku pertempuran antara pengikut kumpulan Empat Sahabat di Kelantan dengan anggota keselamatan. Kemudian pada tahun 1980, sekumpulan ajaran sesat telah menyerang Balai Polis Batu Pahat di Johor (Abdul Haris, 2001: 105). Contoh terkini pula, pengikut Tuhan Harun bertindak membunuh Ketua Penguat Kuasa, Jabatan Agama Islam Pahang, kerana dikatakan sering mengganggu aktiviti kumpulan mereka. Perbuatan ini turut berpunca daripada ketaksuban pengikut kepada ketua mereka iaitu Harun Mat Saat, bagi melindunginya daripada dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa agama Islam negeri (MyMetro, 29 November 2018).

Dari sudut pemikiran liberal pula, sejarah kemunculan awalnya dikaitkan dengan penolakan dan pembebasan daripada autoriti kerajaan dan agama. Dalam konteks Malaysia, ajaran menyeleweng berbentuk moden ini iaitu Islam Liberal bukan sahaja bertentangan daripada Ahli Sunah Waljamaah kerana membawa doktrin pemahaman semula al-Quran dan hadis melalui paradigma liberalisme, malah mereka berusaha untuk menghapuskan kedaulatan Islam dan institusi raja serta memperjuangkan hak kebebasan secara mutlak. Justeru, mereka turut memperjuangkan konsep negara sekular dengan berusaha menghapuskan Undang-Undang Jenayah Syariah (Muhammad Rashidi, 2017: 17-40). Ideologi ini adalah lanjutan daripada fahaman sekularisme, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (2014) dalam bukunya yang terkenal *Islam and Secularism*.

Berdasarkan beberapa contoh yang diberikan di atas, dirumuskan bahawa terbukti penularan ajaran menyeleweng di Malaysia secara berleluasa bukan sahaja memberi kesan kepada akidah dan syariat Islam, sebaliknya ia turut memberi kesan kepada ketenteraman awam dan juga keselamatan negara. Lebih membimbangkan, sebahagian kumpulan ajaran menyeleweng

tersebut didapati mempunyai hubungan dengan beberapa pihak di negara luar yang sentiasa mencari peluang untuk menjatuhkan dan menjajah Malaysia sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Oleh itu, kerajaan melalui pihak berkuasa agama Islam disarankan perlu membangunkan Pelan Tindakan Strategik bagi menangani ancaman ajaran menyeleweng di Malaysia secara komprehensif. Pembangunan pelan ini juga selari dengan komitmen kerajaan dalam membanteras ancaman keganasan.

PELAN MENANGANI AJARAN MENYELEWENG DI MALAYSIA

Pembangunan pelan tindakan strategik ini sangat penting kepada negara untuk merangka strategi, membina inisiatif dan menyelaraskan pendekatan yang akan digunakan oleh pelbagai pihak, khususnya pihak berkuasa agama Islam di peringkat persekutuan dan negeri, bagi menangani ancaman ajaran menyeleweng di Malaysia. Justeru, beberapa model pelan tindakan strategik yang pernah dihasilkan, terutamanya NAPPCVE sendiri, telah dijadikan rujukan awal kepada makalah ini dalam mencadangkan bentuk pembangunan pelan tindakan yang komprehensif. Setelah meneliti pelbagai sorotan tersebut, pembangunan Pelan Tindakan Strategik bagi menangani ancaman ajaran menyeleweng di Malaysia ini sesuai dibahagikan sekurang-kurangnya kepada empat teras utama iaitu: pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan pengukuhan. Huraian ringkasnya adalah sebagaimana berikut:

1. Teras Pencegahan: Teras ini bertujuan untuk meningkatkan kepekaan, komunikasi efektif dan kolaborasi strategik antara masyarakat dengan pihak berkuasa agama Islam serta sesama pihak berkuasa agama Islam, dalam menangani ancaman-ancaman ajaran menyeleweng di Malaysia. Teras ini juga bertindak sebagai langkah pencegahan awal agar umat Islam tidak terpengaruh dengan mana-mana ajaran menyeleweng.

2. Teras Penguatkuasaan: Teras ini bertujuan untuk meningkatkan tindakan tegas berbentuk undang-undang daripada pihak berkuasa agama Islam terhadap individu atau kumpulan yang terlibat dengan mana-mana ajaran menyeleweng yang telah difatwakan bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah. Teras ini juga boleh memainkan peranan dalam mencadangkan penambahbaikan undang-undang pada masa akan datang.

3. Teras Pemulihan: Teras ini bertujuan untuk mengurus dan memulihkan pemikiran umat Islam yang terpengaruh dengan ajaran menyeleweng. Dalam hal ini, sebuah Kertas Polisi Pembangunan Modul Pemulihan Ajaran Sesat (2022) telah dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mencadangkan beberapa langkah yang diperlukan bagi menjalankan proses pemulihan yang menyeluruh terhadap mereka yang terlibat.

4. Teras Pengukuhan: Teras ini bertujuan untuk memperkukuhkan identiti serta jati diri sebagai seorang Muslim kepada seluruh umat Islam di Malaysia dengan berpandukan manhaj Ahli Sunah Waljamaah sama ada dari aspek akidah, syariah mahupun tasawuf. Ia penting bagi membina ketahanan pemikiran agar tidak mudah terpengaruh dengan propaganda yang dibawa oleh pelbagai bentuk ajaran menyeleweng pada masa kini.

Bagi membangunkan pelan tindakan strategik di atas, dicadangkan penyelarassannya diketuai oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Pakar di kalangan ahli akademik boleh dilantik sebagai perunding bagi menjalankan penyelidikan secara menyeluruh, dengan mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan terutamanya Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Penjara Malaysia. Perkara ini penting bagi mendapat input yang tepat sebelum Pelan Tindakan Strategik bagi menangani ancaman ajaran menyeleweng di Malaysia dilancarkan secara rasmi. Apa yang pasti, kejayaan membangunkan pelan ini akan menghasilkan impak yang signifikan terhadap kelestarian agama Islam di Malaysia seterusnya menyumbang kepada keamanan dan keharmonian negara.

KESIMPULAN

Ajaran menyeleweng atau ajaran sesat merujuk kepada individu atau kumpulan yang membawa aliran atau fahaman yang bertentangan dengan agama Islam berteraskan Ahli Sunah Waljamaah, tetapi mereka mendakwa ia adalah ajaran Islam yang benar. Terdapat tiga bentuk atau jenis ajaran menyeleweng di Malaysia yang telah dikenal pasti iaitu; ajaran berbentuk

silam, ajaran berbentuk tempatan, dan ajaran berbentuk moden atau baharu. Penularan ketiga-tiga bentuk ajaran menyeleweng ini dalam masyarakat bukan sahaja memberi kesan dari sudut akidah dan syariat umat Islam, bahkan ia turut memberi kesan dari sudut ketenteraman awam dan juga keselamatan negara. Justeru, sebuah pelan tindakan strategik perlu dibangunkan segera oleh kerajaan melalui pihak berkuasa agama Islam bagi menangani ancaman ajaran menyeleweng di Malaysia secara menyeluruh dan sistematik.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada dapatan awal “Kajian Pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (NAPPCVE)” (2021-2022), iaitu sebuah penyelidikan berbentuk polisi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

RUJUKAN

- Abdul Haris A. Hamid. (2001). *Sejarah Perkembangan Ajaran Sesat di Hulu Terengganu, Terengganu*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Shukor Husin. (1998). *Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullaah Jalil, Muhammad Rashidi Wahab dan Ahmad El-Muhammady Muhammad Uthman El-Muhammady. (2022). “Fahaman Sesat dan Menyeleweng di Media Sosial: Ancaman dan Cabaran.” *Jenayah Siber di Malaysia: Impak Leluasa Internet*. Institut Keselamatan Awam Malaysia, Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abi Daud, Sulayman ibn al-Ash‘ath. (1998). *Sunan Abi Daud*. Muhammad ‘Awwamah (ed.). Bayrut: Muassasah al-Riyad.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (1964). *Fada’ih al-Batiniyyah*. ‘Abd al-Rahman Badawi (ed.). Kuwait: Muassasah Dar al-Kutub al-Thaqafiyah.
- Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. (T.th). *Kriteria dalam Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Noresah Baharom (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2015). *Ajaran Sesat di Malaysia: Faktor Penyebaran dan Cara Penyelesaiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2010). *Penjelasan Ciri-ciri Utama Ajaran Sesat*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2014). *Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah wal Jamaah terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia* (Kertas JFK Bil 4/106/2014). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kerajaan Negeri Kelantan. (2008). *Undang-Undang Negeri Kelantan dan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*. Kelantan: Kerajaan Negeri Kelantan.
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2015). *Fatwa Kedudukan Hizbut Tahrir*. Dlm. <https://www.muftiselangor.gov.my/awam/fatwa/fatwa-terkini/442-fatwa-dasar-pengurusanagihan-manfaat-sewaan-perbadanan-wakaf-selangor-pws-3>
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor. (1995). *Fatwa Tentang Golongan Anti Hadith*. Dlm. <https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/pewartaan/1995-1999/74-fatwa-tentang-golongan-anti-hadith>
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2014). *Fatwa Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama*. Dlm. <http://www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/362-fatwa-pemikiran-liberalisme-dan-pluralisme-agama>
- Majlis Agama Islam Selangor. (2015). *Ajaran Sesat: Merungkai Kekusutan dan Kecelaruan*. Selangor: Majlis Agama Islam Selangor.
- Majlis Keselamatan Negara. (2021). *Dasar Keselamatan Negara 2021-2025*. Putrajaya: Majlis Keselamatan Negara.

- Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Fauzi Hamat. (2018). “Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah, Asha‘irah dan al-Ash‘ari: Satu Pengenalan.” *Jurnal Penyelidikan Islam*, bil. 30. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad Rashidi Wahab, Abdullaah Jalil, Eley Suzana Kasim dan Dalila Daud. (2022). *Kertas Polisi: Pembangunan Modul Pemulihan Ajaran Sesat*. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri.
- Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Fauzi Hamat, Mohd Hizam Hanafiah, Ahmad El-Muhammady Muhammad Uthman El-Muhammady dan Abdullaah Jalil. (2021). “Majalah DABIQ sebagai Medium Propaganda Pemikiran Tauhid *Islamic State of Iraq and Sham* (ISIS).” *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, bil. 23(2). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Hasrul Shuhari, Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2020). “Sejarah Ekstremisme Sehingga Kemunculan ISIS/DAESH.” *Liberalisme dan Ekstremisme: Wacana Pemikiran Kontemporari Islam*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Muhammad Rashidi Wahab. (2017). “Ancaman Liberalisme di Malaysia.” *Jurnal Penyelidikan Islam*, bil. 29. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- MyMetro. (29 November 2018). *Hukuman mati dua pengikut ‘Tuhan Harun’ kekal*. Dlm. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/11/399329/hukuman-mati-dua-pengikut-tuhan-harun-kekal>
- Portal Jabatan Mufti Negeri Sembilan. (2020). *Aliran dan Dakyah Wahhabiah*. Dlm. <https://muftins.gov.my/ufaqs/tajuk-aliran-dan-dakyah-wahhabiah/>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia. (2006). *Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya Kepada Islam di Malaysia*. Dlm. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/aliran-pemikiran-liberal-hukum-dan-implikasinya-kepada-islam-di-malaysia>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia. (2014). *Isu Umat Islam Malaysia yang Berjuang Atas Nama ISIS*. Dlm. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/isu-umat-islam-malaysia-yang-berjuang-atas-nama-isis-0>

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2021). *Internet Users Survey 2020*. Dlm. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020-Report.pdf>

Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2014). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM.

Temubual dengan Cawangan Kajian Akidah, Bahagian Penyelidikan, JAKIM pada 25 Februari 2022. Temubual melalui Google Meet.

The Royal Islamic Strategic Studies Centre. (2010). *The 500 Most Influential Muslims in The World 2010*. USA: Georgetown University.

Warta Kerajaan Negeri Johor. (2 Feb 2017). *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003: Pemberitahuan di Bawah Subseksyen 48(6)*. Johor: Kerajaan Negeri Johor.